

Memancing, mewarna meriahkan hari terakhir konvokesyen USIM

SEREMBAN - Hari terakhir Pesta Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ke-11 di Nilai di sini semalam dihangatkan dengan pertandingan mewarna dan memancing anjuran Kumpulan Utusan.

Pertandingan mewarna yang bermula pukul 10 pagi menyaksikan 200 kanak-kanak menyertainya.

Penolong Pengurus Penganjuran Utusan Melayu (M) Bhd., Mohammad Fahmi Asraf Khan berkata, penyertaan yang diterima cukup memberangsangkan dan pihaknya berhasrat untuk mengadakan program yang sama tahun depan.

"Juara pertandingan mewarna menerima hadiah be-

rupa sebuah basikal dan hamper manakala tempat kedua dan ketiga menerima hadiah hamper," katanya ketika ditemui.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Naib Canselor USIM, Profesor Dr. Asma Ismail dan Pengurus Besar Pemasaran Utusan Melayu (M) Bhd, Hasmadi Hassan.

Bagi pertandingan memancing, kakitangan USIM, Mohd. Faizal Azizi Kamal, 27, muncul juara selepas menaikkan ikan keli seberat 6.6 kilogram (kg) dan menggondol hadiah wang tunai RM3,000 bersama hadiah iringan serta hamper tajaan Maggi dan Adabi.

Tempat kedua dimenangi pelajar USIM, Muhammad



MOHD. FAIZAL AZIZI (kiri), Muhammad Huzaifah dan Mohd. Haris bersama hadiah pertandingan memancing.

Huzaifah Abdul Halim, 22, yang menaikkan ikan keli seberat 5.1 kilogram dan menerima hadiah RM2,000 dan hamper manakala Mo-

hd. Haris Utan, 55, di tempat ketiga yang menaikkan ikan keli seberat 4.9 kilogram dan menerima hadiah RM1,500 dan hamper.